

Penyertaan program AI untuk Rakyat harus disebarluaskan

Oleh [Dr Abdul Nasir Abd Ghafar](#) - Januari 25, 2024 @ 11:16am bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

Program AI untuk Rakyat yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini adalah inisiatif kerajaan untuk memperkasakan kesedaran rakyat terhadap teknologi kecerdasan buatan (AI) serta usaha merapatkan jurang digital antara masyarakat pelbagai latar belakang.

Secara umum, program pembelajaran dalam talian secara sendiri mempunyai dua komponen, iaitu AI Aware dan AI Appreciate. AI Aware memberi pengenalan kepada konsep AI serta merungkai kekeliruan dan salah faham masyarakat terhadap teknologi berkenaan.

Komponen kedua, AI Appreciate pula lebih menumpukan kepada kesan teknologi AI terhadap pelbagai industri, menghurai prinsip dan etika dalam AI dan kesedaran menjadi pengguna bertanggungjawab.

Berdasarkan statistik, sektor digital Malaysia menyumbang hampir 23.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala impak ekonomi digital dijangka terus meningkat dan diunjurkan mampu menyumbang 25.5 peratus kepada ekonomi negara pada 2025 serta berpotensi mewujudkan sehingga 500,000 peluang pekerjaan.

Bagi pelajar, kemahiran dalam AI mampu menjadi nilai tambah membuka 1,001 peluang pekerjaan merentas pelbagai bidang. AI juga terbukti menyelesaikan pelbagai masalah dan hambatan dihadapi orang kurang upaya (OKU), dengan terciptanya pelbagai alatan dan sistem memudahkan golongan ini menjalani kehidupan dan aktiviti sama seperti manusia normal.

Bagi veteran, teknologi digital dan AI membantu meringankan serta memudahkan pelbagai skop kerja khususnya dalam sektor pendidikan, pertanian dan peruncitan, membolehkan golongan ini mampu meneruskan khidmat dengan keupayaan fizikal minimum.

Semua contoh ini seharusnya menjadi pemangkin untuk masyarakat mulai sedar sekiranya AI dimanfaatkan sebaiknya, ia bukan suatu ancaman meragut fungsi manusia, sebaliknya memberi nilai tambah kepada kualiti hidup dan mampu menyumbang kepada kesejahteraan sosial.

Sasar sejuta rakyat celik A1 akhir 2024

Menyasarkan sejuta rakyat celik AI sehingga akhir 2024, cabaran sebenar kerajaan bagi menjayakan program itu ialah bagaimana hendak memastikan taburan masyarakat menyahut inisiatif ini merentasi pelbagai latar belakang umur, taraf hidup serta latar belakang pendidikan.

Sehebat mana sekalipun teknologi AI dan teknologi digital, teknologi ini seharusnya bersifat inklusif mampu diakses pelbagai latar belakang masyarakat. Golongan belia khususnya dijangka tiada masalah kerana dibantu ekosistem capaian akses internet serta kemudahan peranti seperti telefon bimbit dan tablet sudah biasa digunakan dalam kehidupan seharian.

Namun, bagi golongan pertengahan dan warga emas khususnya di luar bandar, perlu ada suatu langkah strategik daripada kerajaan bagi memastikan platform pembelajaran disokong ekosistem lebih baik bagi mendorong golongan ini lebih terbuka dan bersedia menerima teknologi AI.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pendidikan boleh menyahut Program AI untuk Rakyat ini dengan menggerakkan pengajaran merentasi komuniti, melawat ke kampung dan komuniti luar bandar untuk menyebarkan maklumat serta ilmu kepentingan teknologi AI.

Hasil inovasi penyelidik dan pelajar mempunyai elemen AI juga patut dipamerkan kepada golongan ini, supaya mereka melihat potensi yang ada pada teknologi AI bagi menyelesaikan masalah atau cabaran setempat.

Dengan perancangan dan pelaksanaan strategik, bersasar dan kerjasama pelbagai pihak, Program AI untuk Rakyat perlu bersifat lestari dan bukan menjadi 'projek gajah putih' sekiranya tidak disambut dan difahami masyarakat.

Pensyarah kanan, Fakulti Teknologi Elektrik dan Elektronik, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah